

# Mulakan perjalanan SG Yang Lebih Sihat anda hari ini

Rakyat Singapura berusia 40 tahun ke atas lebih berkemungkinan menghidapi penyakit kronik yang memerlukan rawatan perubatan jangka panjang. Dengan SG Yang Lebih Sihat, ia tidak semestinya begini.

## LANGKAH 1: DAFTAR

### Mendaftar adalah mudah

Daftar terus melalui aplikasi HealthHub dengan beberapa ketikan sahaja. Atau lawati klinik SG Yang Lebih Sihat pilihan anda; anda boleh memilih daripada lebih 1,000 klinik SG Yang Lebih Sihat untuk mencari doktor yang sesuai dengan keperluan anda.



## LANGKAH 2: JUMPA DOKTOR ANDA DAN BINA PELAN KESIHATAN DIRI

### Tempah konsultasi Pelan Kesihatan bersubsidi penuh anda yang pertama

Bina pelan kesihatan peribadi anda bersama doktor anda: fahami keadaan kesihatan semasa anda dan rancang matlamat kesihatan anda.

- Dapatkan subsidi penuh bagi pemeriksaan dan vaksinasi yang disyorkan pada peringkat nasional.
- Dapatkan rujukan bersubsidi ke klinik-klinik pakar pesakit luar awam dengan kad CHAS, Generasi Perintis, dan Generasi Merdeka anda.

### Sokongan yang dipertingkatkan bagi mengurus penyakit kronik dengan Peringkat Kronik SG Yang Lebih Sihat

- Dapatkan ubat penyakit kronik tertentu di klinik-klinik doktor swasta SG Yang Lebih Sihat pada harga yang setanding dengan poliklinik.
- Gunakan MediSave anda untuk menampung sepenuhnya kos rawatan bagi penyakit kronik yang disenaraikan di bawah Program Pengurusan Penyakit Kronik, sehingga had menggunakan MediSave yang relevan.

## LANGKAH 3: JAGA KESIHATAN ANDA

### Beri tumpuan kepada matlamat kesihatan anda

**Terokai aktiviti-aktiviti menyeronokkan:**  
Ambil bahagian dalam pelbagai program, cabaran dan bengkel-bengkel bagi menjaga kesihatan melalui aplikasi Healthy 365.

**Kekal fokus:**  
Dengan merujuk kepada Pelan Kesihatan anda melalui aplikasi HealthHub.



## LANGKAH 4: JALANI GAYA HIDUP YANG LEBIH SIHAT

### Raikan pencapaian kesihatan anda

#### Subsidi penuh bagi pemeriksaan kesihatan tahunan:

Amalkan tabiat berjumpa doktor anda setiap tahun bagi mengetahui sejauh mana pencapaian dan untuk memperbaharui matlamat anda. Teruskan momentum dan kekal aktif!

Kekal komited kepada perjalanan SG Yang Lebih Sihat anda – kerana setiap langkah membolehkan anda menikmati mutu hidup yang lebih baik, seiring dengan bertambahnya usia anda.

Daftar di SG Yang Lebih Sihat sekarang.



Sebuah inisiatif



MINISTRY OF HEALTH  
SINGAPORE